

KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI UNTUK LAWATAN BERSAMA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI TAMAN PRIMA HIJAU DAN TAMAN DANAU SUTERA, KUNDANG, SELANGOR

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil pelbagai inisiatif dalam memastikan isu projek perumahan terbengkalai dapat diselesaikan demi menjaga kepentingan terutamanya pembeli-pembeli rumah dan pihak-pihak berkepentingan yang lain dalam industri perumahan.

Dalam usaha memulihkan projek-projek perumahan swasta terbengkalai, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta di bawah Bajet 2010 untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai jenis kos rendah dan sederhana rendah.

Pemilihan projek-projek terbengkalai untuk dibaikpulih disediakan berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:

i. Keutamaan akan diberikan kepada pemuliharaan perumahan jenis kos rendah dan sederhana rendah

Keutamaan akan diberikan kepada jenis perumahan ini kerana ia melibatkan ramai pembeli yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. Pada keseluruhannya, ia merangkumi **41 projek** yang melibatkan **4,849 unit rumah kos rendah** dan **7,603 unit kos sederhana rendah** dan **473 unit pemajuan sebagai sesuai untuk dipulihkan**. Walau bagaimanapun bilangan unit rumah yang akan dipulihkan

bergantung kepada peruntukan yang telah diluluskan. Harga jualan rumah kos rendah adalah kurang daripada RM42,000 dan harga kos rumah sederhana rendah pula melibatkan sebanyak RM42,000 sehingga RM100,000.

ii. Projek perumahan kos rendah dan sederhana rendah yang telah mencapai peratus kemajuan fizikal 70%

Projek-projek ini dijangka mampu dipulihkan dalam tempoh setahun dan ia dapat memaksimumkan bilangan projek yang dapat dipulihkan di bawah peruntukan Bajet 2010. Ia merangkumi **lapan (8) projek** yang melibatkan **2,883 unit rumah** iaitu **663 unit rumah kos rendah dan 2,219 unit rumah kos sederhana rendah**.

iii. Projek yang telah dikenalpasti pemaju penyelamat dalam usaha pemulihan

Terdapat **lima (5) projek** yang melibatkan **378 unit rumah** telah dikenalpasti pemaju penyelamat dan disediakan anggaran kos pemulihan. Projek-projek ini memerlukan suntikan kewangan pada kadar minima untuk dipulihkan.

Selain itu, Kementerian telah mengenalpasti pilihan mekanisme pemulihan projek terbengkalai yang boleh dilaksanakan iaitu melalui **pelantikan pemaju penyelamat (*white knight*) oleh Kementerian** bagi memulihkan projek-projek tersebut.

Pemilihan pemaju atau kontraktor penyelamat adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti **keupayaan kewangan syarikat, pengalaman kerja (*track record*) serta kepakaran teknikal** yang ditawarkan oleh syarikat tersebut. Langkah ini adalah bertujuan untuk mengelakkan kemungkinan projek menjadi terbengkalai semula apabila ia dipulihkan.

Pada masa ini, terdapat beberapa syarikat pemaju dan kontraktor penyelamat yang telah tampil menunjukkan minat untuk mengambilalih dan seterusnya memulihkan projek. Kerajaan memandangkan perkembangan ini sebagai inisiatif murni daripada pihak swasta di dalam usaha memantapkan industri perumahan negara. Sehingga 30 Oktober 2009, sebanyak **49 projek daripada 148 projek terbengkalai sedang dipulihkan**, manakala **12 projek telah diselesaikan dan dipulihkan**.

Jesteru, lawatan ke projek Taman Prima Hijau, Rawang dan Taman Danau Sutera, Bandar Baru Kundang adalah bertujuan bagi meninjau perkembangan pemulihan projek terbengkalai yang akan dan telah dilaksanakan oleh pemaju dan kontraktor penyelamat.

Latar belakang projek

1. Taman Prima Hijau, Rawang

Projek Taman Prima Hijau, Rawang, Selangor telah dimajukan oleh Lim Chin & Sons Industries Sdn. Bhd dan melibatkan pembangunan 54 unit rumah pangsa kos rendah dengan 47 unit yang telah dijual. Projek yang sepatutnya siap pada tahun 2002

telah terbengkalai apabila pemaju asal mengalami masalah aliran kewangan. Projek ini diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2006 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada masa ini, syarikat pemaju, Trans Eco Sdn. Bhd. telah menunjukkan minat dan seterusnya akan memulihkan projek dalam tempoh 6 sehingga lapan bulan dari tarikh tawaran projek berkaitan.

2. Taman Danau Sutera, Bandar Baru Kundang

Projek Taman Danau Sutera, Bandar Baru Kundang yang dimajukan oleh Nilai Idaman Sdn. Bhd. telah melibatkan pembangunan 192 unit rumah pangsa kos rendah sederhana (RPKS) dengan 124 unit rumah yang telah dijual. Projek ini sepatutnya siap sepenuhnya pada Jun 2003. Walau bagaimanapun, pemaju gagal menyiapkan projek ini disebabkan faktor kewangan. Projek ini diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2005 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pihak kontraktor penyelamat, Aussin Sdn. Bhd. telah dilantik oleh pemaju untuk mengambilalih projek pada 15 Jun 2009 dan kerja-kerja pemulihan dijangka siap pada Disember 2009. Projek ini juga telah mendapat perhatian daripada Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara di mana sebahagian pembeli projek ini merupakan kakitangan Kerajaan dan anggota tentera.